

04 JAN 2000

Adnan-Politiking

TIDAK ADA PERTANDINGAN KURANGKAN POLITIKING, KATA ADNAN

KUANTAN, 4 Jan (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata pendirian Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti tidak ditandingi pada pemilihan Mei depan, akan dapat mengurangkan politiking dalam parti.

Beliau berkata pendirian itu tidak bermakna tidak ada demokrasi dalam Umno kerana demokrasi juga kadang-kala boleh membawa keburukan.

"Apa ertinya demokrasi kalau parti berpecah akibat pertandingan. Lebih baik bagi anggota parti membentuk semangat setiakawan dan kompromi bagi memelihara kestabilan,

"Keputusan itu sangat bijak kerana ia dapat menunjukkan kepada masyarakat bahwa Umno adalah serius dalam memantapkan parti dan mendapatkan semula kepercayaan sebilangan besar orang Melayu terhadap Umno," kata beliau selepas perjumpaan dengan kakitangan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) di sini.

Pada mesyuaratnya semalam MT memutuskan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dicalonkan semula sebagai Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dicalonkan sebagai Timbalan Presiden,

Adnan yang dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri semalam, berkata dengan cara itu anggota akan dapat memikirkan perkara yang lebih mustahak daripada soal siapa yang bertanding bagi sesuatu jawatan.

Mengenai rancangannya sebagai Pengerusi badan perhubungan Umno negeri, Adnan yang mengambil alih jawatan itu daripada Tan Sri Khalil Yaakob, berkata anggota Umno perlu diberi lebih pendedahan tentang perjuangan asal parti.

Katanya ini dapat dilakukan melalui penyertaan dalam kursus-kursus bagi memberi kefahaman mengenai perkara itu selain mengenai strategi dalam menghadapi parti-parti lawan.

"Saya percaya tugas ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan adanya kerjasama daripada rakan-rakan dalam bahagian di seluruh negeri Pahang," kata beliau.

-- BERNAMA

SHS NMO